

# Pertandingan

## WARISAN BUDAYA TEMPATAN ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SARAWAK 2020



*Pertandingan penulisan  
penyelidikan berkumpulan  
berkenaan budaya  
tempatan di Sarawak*

TEMA PERTANDINGAN

# DAUN

*Penyertaan adalah  
terbuka kepada  
murid-murid yang  
berumur 13 hingga  
19 tahun*

### HADIAH PERINGKAT ZON

**JOHAN**

RM 3,000.00, Piala, Sijil Kemenangan

**NAIB JOHAN**

RM 2,000.00, Piala, Sijil Kemenangan

**TEMPAT KETIGA**

RM 1,000.00, Piala, Sijil Kemenangan

**POSTER TERBAIK**

RM 300.00, Sijil Kemenangan

Tarikh tutup penyertaan  
**8 MAC 2020**



### HADIAH PERINGKAT NEGERI

**JOHAN**

RM 3,500.00, Piala & Sijil Kemenangan

**NAIB JOHAN**

RM 2,500.00, Piala & Sijil Kemenangan

**TEMPAT KETIGA**

RM 1,500.00, Piala & Sijil Kemenangan

**POSTER TERBAIK**

RM 500.00, Piala & Sijil Kemenangan

*Untuk maklumat lanjut, sila rujuk terma dan syarat pertandingan melalui pegawai seranta kami;*

ZON SELATAN Noranita Karim noranitk@sarawak.gov.my 082-442000

ZON TENGAH Fiona Ravia fionarav@sarawak.gov.my 013 8258254

ZON UTARA Lilian Baun Pulo lilianbp@sarawak.gov.my 085-422525

[www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com)

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**  
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium  
Petrajaya 93050 Kuching, Sarawak

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK, SIBU**  
Jalan Tun Tunku Bujang Sungai Merah  
96000 Sibu, Sarawak

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI**  
Jalan Kipas, Miri City Fan  
98000 Miri, Sarawak

## TERMA & SYARAT PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN 2020

### A. PENGENALAN

Sarawak bukan sahaja dianugerahkan dengan pelbagai sumber asli dan keindahan alam semulajadi, tetapi juga kaya dengan warisan sejarah dan budaya yang tinggi nilainya. Pemeliharaan warisan tempatan merupakan pelaburan yang baik kerana nilai estetika dan sejarahnya sama penting untuk menjadi daya tarikan pelancong.

Selaras dengan falsafah Pustaka iaitu "*Masyarakat berilmu dan berasaskan maklumat memerlukan forum untuk bertukar-tukar pendapat secara intelektual di kalangan masyarakat, sebuah pusat ilmu untuk minda dan idea disatukan, dan pengaksesan kepada maklumat, pengetahuan, teknologi dan budaya yang tidak dibatasi oleh sempadan geografi*", pelbagai program dan aktiviti diadakan secara konsisten bagi merealisasikan visi dan misi organisasi.

Pertandingan Warisan Budaya Tempatan merupakan satu pertandingan berbentuk penyelidikan yang mensasarkan penyelidik muda dari sekolah-sekolah menengah ini telah diadakan sejak tahun 2008 bagi sekolah-sekolah menengah di sekitar Bandaraya Miri dan seterusnya kepada sekolah-sekolah menengah di bahagian wilayah utara Sarawak dari 2017 sehingga 2019. Seterusnya penyertaan diperluaskan kepada semua sekolah-sekolah menengah di negeri Sarawak bagi tahun 2020. Pertandingan ini merupakan salah satu platform untuk mengumpul input berkaitan dengan warisan budaya tempatan melalui tema-tema yang dipertandingkan serta sekaligus dapat menyumbang kepada pembangunan koleksi Sarawakiana.

Antara tema kajian yang telah dipertandingkan adalah :

1. Sejarah kaum Adat Istiadat Kaum Orang Ulu di Utara Sarawak
2. Permainan Tradisional Sarawak
3. Kuih Muih Tradisional Sarawak
4. Tokoh-Tokoh Tempatan, Wilayah Utara Sarawak
5. Tempat-Tempat Bersejarah Di Wilayah Utara Sarawak
6. Warisan Tinggalan Budaya Dalam Kalangan Etnik di Wilayah Utara Sarawak
7. Kraftangan Tradisional Sarawak
8. Herba dan Tumbuhan Dalam Kehidupan Etnik Tempatan di Sarawak
9. Cerita Rakyat dan Mitos di Kalangan Rakyat di Sarawak.
10. Kraftangan Tradisi Dalam Kalangan Etnik di Wilayah Utara Sarawak.

11. Perubahan Tradisional di Kalangan Suku Etnik di Wilayah Utara Sarawak.
12. Sejarah Penempatan Awal di Wilayah Utara Sarawak

Dengan kerjasama pihak Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), pada tahun 2016, hasil kajian yang terbaik dari tahun 2008 sehingga 2015 telah dikompilasikan dalam sebuah buku bertajuk Kompilasi Warisan Budaya Tempatan Wilayah Utara Sarawak 2008-2015.

## B. OBJEKTIF

Program ini bertujuan untuk ;

- i. Membimbing dan melatih peserta dalam pencarian maklumat melalui sumber-sumber yang sahih, mengumpul, menganalisis, mentafsir dan merumus maklumat untuk menghasilkan penyelidikan yang lengkap dan komprehensif.
- ii. Melahirkan peserta yang celik maklumat dan memupuk minat serta kemahiran dalam bidang penulisan penyelidikan untuk persediaan ke peringkat untuk peringkat lebih tinggi.

## C. PENYERTAAN

- i) Pertandingan Warisan Budaya Tempatan (PWBT) ini adalah terbuka kepada murid-murid **berumur 13 hingga 19 tahun** bagi sekolah-sekolah menengah di negeri Sarawak.
- ii) Penyertaan terbuka secara berkumpulan yang terdiri daripada **minimum dua (2) orang** ahli kumpulan dan **maksimum empat (4) orang** ahli kumpulan.
- iii) Setiap sekolah dibenarkan menghantar **maksimum lima (5) kumpulan**.
- iv) Setiap kumpulan hendaklah mempunyai **seorang guru pembimbing**. Seorang guru pembimbing **dibenarkan untuk membimbing lebih daripada satu (1) kumpulan**.
- v) Borang penyertaan yang lengkap diisi hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada atau sebelum **Ahad, 8 Mac 2020** kepada urusetia di zon masing-masing seperti berikut :

### (1) URUSETIA PWBT ZON UTARA

#### **Pustaka Negeri Sarawak, Miri**

Jalan Kipas, Miri City Fan, 98000 Miri, Sarawak.

No. Tel : 085 – 422 525 | No. Faks : 085 – 414 444 | Emel : pwbt.utara@gmail.com

u.p. : Pn. Lilian Baun Pulo | lilianbp@sarawak.gov.my

: En. Mohd. Khadzrie Bin Mohd. Ramzie Faizal | khadzrrf@sarawak.gov.my

: Pn. Zuwahir Binti Ilias | zuwahiri@sarawak.gov.my

: Cik Norfaezan Binti Abdul Jalil | norfaezj@sarawak.gov.my

## (2) URUSETIA PWBT ZON TENGAH

### Pustaka Negeri Sarawak, Sibü

Jalan Tun Tunku Bujang Sungai Merah, 96000 Sibü, Sarawak.

No. Tel : 0138258254 (Cik Fiona) | No. Faks : -

Emel : pwbt.tengah@gmail.com

u.p. : Cik Fiona Ravia Anak Asing | fionarav@sarawak.gov.my

: Cik Nurfarathul Aqma Binti Julani | nurfarath@sarawak.gov.my

## (3) URUSETIA PWBT ZON SELATAN

### Pustaka Negeri Sarawak

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium Petrajaya

93050 Kuching, Sarawak.

No. Tel. : 082 – 442 000 | No. Faks : 082 – 449 944

Emel : pwbt.selatan@gmail.com

u.p. : En. Edison Ricket | edisonr@sarawak.gov.my

: Pn. Noranita Binti Kerim | noranitk@sarawak.gov.my

- vi) Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.
- vii) Sekiranya terdapat sebarang pertukaran ahli-ahli kumpulan, sila maklumkan kepada Urusetia sebelum atau pada **Jumaat, 31 Julai 2019**.
- viii) Penyertaan adalah percuma.
- ix) Pihak penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang insiden yang tidak diingini sepanjang penglibatan dalam pertandingan ini.
- x) Segala kos pelaksanaan penyelidikan adalah di bawah tanggungan peserta sendiri atau pihak sekolah bagi **peringkat zon**.
- xi) Bagi kumpulan yang melayakkan diri ke **peringkat negeri**, kos perjalanan, penginapan dan elaun sara diri akan ditanggung oleh pihak penganjur.

## D. TEMA PENYELIDIKAN

Tema penyelidikan bagi Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2020 adalah :

### DAUN

Tema ini meliputi penggunaan daun dalam kehidupan seperti dalam upacara adat dan tradisi, komunikasi perubatan, kraftangan, tekstil, pembinaan bangunan, makanan, dan sebagainya bagi etnik-etnik di Sarawak.

## E. PERINGKAT PERTANDINGAN

- i) Pertandingan Warisan Budaya Tempatan (PWBT) dipertandingkan di **Peringkat Zon** dan **Peringkat Negeri**.
- ii) Pertandingan Warisan Budaya Tempatan (PWBT) diadakan mengikut **Zon Utara**, **Zon Tengah** dan **Zon Selatan** bagi sekolah-sekolah menengah di negeri Sarawak.
  - a) **Zon Utara** meliputi bahagian Bintulu, Miri, Baram, Limbang, Lawas.
  - b) **Zon Tengah** meliputi bahagian Sibul, Mukah, Kapit dan Sarikei.
  - c) **Zon Selatan** meliputi bahagian Kuching, Samarahan, Betong dan Sri Aman.
- iii) Kumpulan yang dinobatkan **Juara PWBT** dan **Juara Kategori Poster** bagi **Peringkat Zon** layak bertanding ke **Peringkat Negeri**.

## F. FORMAT PERTANDINGAN

- i. Setiap kumpulan wajib menyertai sesi taklimat dan bengkel mengikut zon dan jadual yang ditetapkan. Sila rujuk **Jadual Pelaksanaan Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2020**. Sebarang perubahan tarikh dan tempat akan dimaklumkan kepada peserta dari masa ke semasa.
- ii. Setiap kumpulan hendaklah merekodkan ringkasan tugas kajian dalam **Buku Log Pelaksanaan Kajian Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2020**.
- iii. Untuk pertandingan ini, setiap kumpulan hendaklah menghasilkan **laporan kajian, dokumentari video dokumentari, poster, slaid pembentangan** dan **montaj** mengikut format yang ditetapkan.
- iv. Setiap kumpulan hendaklah membentangkan penyelidikan dan poster pada hari pembentangan di setiap zon mengikut tarikh yang ditetapkan.
- v. Poster penyelidikan akan dipamerkan sepanjang tempoh pembentangan dan majlis penyampaian hadiah.
- vi. Kumpulan yang dinobatkan **Juara PWBT** dan **Juara Kategori Poster** bagi **Peringkat Zon** layak bertanding ke **Peringkat Negeri**.

## G. KRITERIA LAPORAN

Laporan penyelidikan Pertandingan Warisan Tempatan hendaklah dihasilkan dalam bentuk seperti berikut :

### a) Laporan Penulisan Penyelidikan

- i. Setiap kumpulan hendaklah menyediakan laporan penulisan penyelidikan mengikut tema yang ditetapkan.
- ii. Format penulisan laporan penyelidikan hendaklah ditaip dengan fon **Helvetica, saiz 12, langkauan 2.0 baris** dengan **jumlah minima 3000 patah perkataan**.
- iii. Laporan penulisan penyelidikan hendaklah **dihantar dalam format seperti berikut**:
  - **Hardcopy** dalam bentuk **folio**. Dihantar melalui serahan tangan atau pos kepada urusetia mengikut zon masing-masing.
  - **Softcopy** dalam bentuk **Microsoft Word (.doc)** dan **Portable Document Format (.pdf)**. Dihantar kepada urusetia zon masing-masing dalam **pen drive, DVD** atau **Google Drive**.
- iv. Laporan penulisan penyelidikan hendaklah dalam **Bahasa Melayu** dan **Bahasa Inggeris** sahaja.
- v. Hasil penulisan penyelidikan hendaklah hasil usaha kumpulan dan tidak diplagiat. Sebarang rujukan dan bibliografi hendaklah menggunakan format **American Psychological Association (APA) 7<sup>th</sup> Edition**.
- vi. Setiap kumpulan hendaklah merujuk sekurang-kurangnya **dua (2) sumber rujukan bercetak** dan **dua (2) sumber rujukan elektronik**.
- vii. Format penulisan hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut :
  - **Muka Surat Depan**
  - **Abstrak**
    - Abstrak hendaklah **tidak kurang dari 150 patah perkataan** dan **tidak melebihi 250 patah perkataan**.
  - **Penghargaan**
  - **Isi**
    - Pendahuluan
    - Objektif Penyelidikan
    - Metodologi Penyelidikan

- Pengumpulan Data / Perbincangan
  - **Kesimpulan**
    - Hasil / Impak Kajian
    - Cadangan
  - **Rujukan**
  - **Glosari**
  - **Lampiran**
    - Maklumat Kumpulan
- viii. Setiap kumpulan hendaklah menghantar **laporan penulisan penyelidikan** pada atau sebelum **Jumaat, 31 Julai 2020**.
- ix. Bagi kumpulan yang layak ke **Peringkat Negeri**, tiada perubahan dibenarkan bagi **laporan penulisan penyelidikan** dan seterusnya dihantar untuk penilaian hakim.

**b) Dokumentari Video**

- i. Setiap kumpulan hendaklah menyediakan dokumentari video bagi penyelidikan yang dijalankan dengan durasi **minimum tiga (3) minit** dan **maksimum lima (5) minit**.
- ii. Dokumentari hendaklah berkisar tentang karakter, tempat, profil atau tema penyelidikan.
- iii. Temu bual, suara latar dan lakonan semula boleh digunakan untuk penceritaan video.
- iv. Dokumentari video hendaklah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Sekiranya menggunakan **dialek tempatan, sari kata hendaklah diterjemahkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris**.
- v. Karya dokumentari video mestilah tidak memaparkan isu-isu sensitif atau kontroversi dari segi agama, politik, perundangan dan Perlembagaan Persekutuan.
- vi. Dokumentari video hendaklah dihantar dalam format seperti berikut :
  - **Softcopy** dihantar kepada urusetia zon masing-masing dalam **pen drive, DVD** atau **Google Drive**.
  - **Fail video** hendaklah menggunakan **format .mp4** dan resolusi video hendaklah dalam **Full HD (1920 x 1080)**.
- vii. Dokumentari video hendaklah hasil usaha kumpulan dan tidak di plagiat. Tidak dibenarkan menggunakan sebarang audio dan visual yang telah didaftar hakcipta (*copyright*).
- viii. Setiap kumpulan hendaklah menghantar dokumentari video pada atau sebelum **Jumaat, 31 Julai 2020**.
- ix. Bagi kumpulan yang layak ke **Peringkat Negeri**, tiada perubahan dibenarkan bagi **dokumentari video** dan seterusnya dihantar untuk penilaian hakim.

### c) Poster

- i. Setiap kumpulan hendaklah menghasilkan **poster** bagi penyelidikan yang dijalankan.
- ii. Poster hendaklah mengandungi elemen seperti berikut:
  - Kandungan penyelidikan seperti abstrak, objektif, isi kajian, impak dan mana-mana yang berkaitan dengan topik penyelidikan.
  - Tajuk
  - Nama kumpulan dan ahli.
  - Alamat sekolah, nombor telefon, nombor faks, laman sesawang, emel.
  - Logo PWBT, logo penganjur dan logo sekolah.
- iii. Saiz poster hendaklah **3000 px X 7200 px (100 dpi atau 300 dpi) / saiz bunting 3 kaki x 6 kaki**.
- iv. Penghasilan poster hendaklah hasil usaha kumpulan dan tidak diplagiat. Sebarang penggunaan imej yang melibatkan hakcipta (*copyright*) hendaklah mendapatkan kebenaran pemilik.
- v. Poster hendaklah dihantar dalam format seperti berikut :
  - **Softcopy** dihantar kepada urusetia zon masing-masing dalam **pen drive, DVD** atau **Google Drive**.
  - **Fail poster** hendaklah menggunakan **format .jpg atau .png**.
- vi. Setiap kumpulan hendaklah menghantar poster pada atau sebelum **Isnin, 17 Ogos 2020**.
- vii. **Poster** hendaklah **dibentangkan semasa sesi pembentangan** dan **dipamerkan di sepanjang** sesi pembentangan dan majlis penyampaian hadiah di Peringkat Zon.
- viii. Bagi kumpulan yang layak ke **Peringkat Negeri**, tiada perubahan dibenarkan bagi **poster** dan seterusnya dihantar untuk penilaian hakim.
- ix. **Poster** hendaklah dibentangkan semasa sesi pembentangan dan dipamerkan sepanjang sesi penilaian dan majlis penyampaian hadiah di **Peringkat Negeri**.

### d) Slaid Pembentangan

- i. Setiap kumpulan hendaklah menyediakan **slaid pembentangan** bagi penyelidikan yang dijalankan.
- ii. Slaid pembentangan hendaklah mengandungi elemen seperti berikut:
  - Tajuk
  - Nama kumpulan dan ahli.
  - Alamat sekolah, nombor telefon, nombor faks, laman sesawang, emel.
  - Logo PWBT, logo penganjur dan logo sekolah.
  - Kandungan penyelidikan seperti abstrak, objektif, isi kajian, impak dan mana-mana yang berkaitan dengan topik penyelidikan.



- iii. Slaid pembentangan hendaklah menggunakan **Microsoft PowerPoint (.ppt)** atau mana-mana aplikasi yang bersesuaian.
- iv. Serahan slaid pembentangan adalah dalam format *softcopy* **Microsoft PowerPoint (.ppt)** dan **Portable Document Format (.pdf)**. kepada urusetia zon masing-masing melalui pen drive, DVD, Google Drive atau serahan tangan.
- v. Slaid pembentangan wajib **diserahkan kepada pihak penganjur semasa sesi raptai** dan sebarang perubahan tidak dibenarkan selepas penghantaran.
- vi. Bagi kumpulan yang layak ke **Peringkat Negeri**, sebarang perubahan **dibenarkan** bagi **slaid pembentangan** dan **wajibdiserahkan kepada pihak penganjur semasa sesi raptai** serta sebarang perubahan tidak dibenarkan selepas penghantaran.

**e) Montaj**

- i. Setiap kumpulan hendaklah menyediakan **montaj** bagi penyelidikan yang dijalankan dengan durasi maksimum **dua (2) minit**.
- ii. Fail montaj hendaklah menggunakan **format .mp4** dan resolusi video hendaklah dalam **Full HD (1920 x 1080)**.
- iii. Montaj wajib **diserahkan kepada pihak penganjur semasa sesi raptai** dan sebarang perubahan tidak dibenarkan selepas penghantaran.
- iv. Bagi kumpulan yang layak ke **Peringkat Negeri**, sebarang perubahan dibenarkan bagi **montaj** dan wajib **diserahkan kepada pihak penganjur semasa sesi raptai** serta sebarang perubahan tidak dibenarkan selepas penghantaran.

## **H. KRITERIA PEMARKAHAN**

Kriteria pemarkahan laporan penyelidikan Pertandingan Warisan Budaya Tempatan adalah seperti berikut :

**a. Laporan Penulisan Penyelidikan**

Kriteria pemarkahan laporan penulisan adalah seperti berikut :

| <b>Kriteria</b>     | <b>Peratusan Markah</b> |
|---------------------|-------------------------|
| <b>Pra Kata</b>     | 5%                      |
| Muka Surat Depan    |                         |
| Penghargaan         |                         |
| Lampiran            |                         |
| <b>Isi</b>          | 30%                     |
| Abstrak             |                         |
| Pengenalan          |                         |
| Soalan Penyelidikan |                         |
| Kaedah Penyelidikan |                         |
| Data Penyelidikan   |                         |
| Analisa Data        |                         |

|                   |     |
|-------------------|-----|
| <b>Penutup</b>    | 10% |
| Kesimpulan        |     |
| Cadangan          |     |
| <b>Rujukan</b>    | 10% |
| Bibliografi       |     |
| Glosari           |     |
| <b>Kreativiti</b> | 5%  |
| Bahasa            |     |
| Keaslian          |     |

**b. Dokumentari Video**

Kriteria pemarkahan dokumentari video adalah seperti berikut :

| Kriteria                            | Peratusan Markah |
|-------------------------------------|------------------|
| <b>Penceritaan &amp; Kreativiti</b> | 10%              |
| <b>Sinematografi</b>                | 10%              |
| <b>Penyuntingan</b>                 | 10%              |
| <b>Muzik &amp; Bunyi</b>            | 10%              |

Markah **Laporan Penulisan Penyelidikan (60%)** dan **Dokumentari Video (40%)** menyumbang **kepada 70% markah keseluruhan PWBT.**

**c. Poster**

- i. Setiap kumpulan dikehendaki **membentangkan poster di hadapan panel juri** selepas membentangkan hasil kajian. Tempoh masa pembentangan adalah selama **tiga (3) minit sahaja.**
- ii. Kriteria pemarkahan poster adalah seperti berikut :

| Kriteria  | Peratusan Markah |
|---|------------------|
| <b>Keaslian</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekabentuk</li> <li>• Sumber/Rujukan</li> <li>• Keaslian Idea</li> <li>• Kredibiliti Maklumat</li> </ul>   | 20%              |
| <b>Format</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tajuk</li> <li>• Nama Kumpulan/Ahli</li> <li>• Maklumat Sekolah</li> <li>• Logo</li> <li>• Saiz</li> </ul>   |                  |
| <b>Kreativiti, Unik dan Impak Visual</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesesuaian fon dan skema warna</li> <li>• Susun atur</li> <li>• Kreativiti baru</li> <li>• Ketepatan tema</li> <li>• Impak</li> </ul> | 30%              |

|  |     |
|--|-----|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Infografik</li> </ul>   |     |
| <b>Kelestarian Bahasa</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa</li> <li>• Fakta</li> <li>• Penyampaian mesej</li> </ul> | 15% |
| <b>Pembentangan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Persembahan</li> <li>• Penyampaian</li> </ul>                         | 10% |

#### d. Guru Pembimbing Terbaik

Kriteria penilaian guru pembimbing terbaik adalah seperti berikut :

- i. Menghadiri sesi taklimat dan bengkel yang dijalankan oleh urusetia.
- ii. Membimbing kumpulan di bawah bimbingan sepanjang pertandingan.
- iii. Menyelia dan memastikan catatan dan kandungan buku log dilaksanakan.
- iv. Memastikan serahan dokumen berikut kepada urusetia di setiap zon.
  - Laporan Penulisan Penyelidikan
  - Dokumentari Video
  - Poster
  - Buku Log Pelaksanaan Kajian PWBT
  - Carta Perbatuan
  - Slaid Pembentangan
  - Montaj
- v. Kerjasama dan disiplin.
- vi. Tanggungjawab dan komitmen.

#### e. Pembentangan

- i. Setiap kumpulan dikehendaki membentangkan hasil penyelidikan di hadapan panel juri.
- ii. Tempoh pembentangan hasil penyelidikan ialah **selama 15 minit** bagi **pembentangan slaid penyelidikan, montaj dan poster.**
- iii. Cadangan peruntukkan masa pembentangan adalah dua (2) minit untuk Montaj, sepuluh (10) minit untuk Slaid Pembentangan, tiga (3) minit untuk Poster.
- iv. Masa dikira dari sebutan pertama atau tayangan montaj dimainkan daripada pembentang.
- v. Loceng pertama dibunyikan pada minit ke tiga belas (13) dan loceng terakhir akan dibunyikan sebanyak dua (2) kali menandakan masa telah tamat.
- vi. Markah tidak akan diambil selepas masa yang diperuntukkan telah tamat.
- vii. Gaya pembentangan adalah bebas dan mengikut kreativiti kumpulan masing-masing.
- viii. Pihak penganjur hanya menyediakan satu (1) komputer riba/laptop, sistem audio dan visual semasa sesi pembentangan. Keperluan seperti meja, kerusi hendaklah dimaklumkan kepada urusetia terlebih dahulu.
- ix. Lain-lain keperluan seperti *prop* hendaklah disediakan oleh para peserta sendiri dan dimaklumkan kepada urusetia.

- x. Sesi uji coba slaid pembentangan dan montaj akan diadakan sehari sebelum sesi pembentangan mengikut giliran yang ditetapkan.
- xi. Kriteria pemarkahan pembentangan adalah seperti berikut :

| <b>Kriteria</b>  | <b>Peratusan Markah</b> |
|--|-------------------------|
| <b>Penyampaian &amp; Bahasa</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Susun atur penyampaian</li> <li>• Kelancaran</li> <li>• Intonasi Penyampaian</li> <li>• Bahasa Badan</li> <li>• Interaksi Mata</li> <li>• Keyakinan</li> <li>• Emosi</li> </ul> | 35%                     |
| <b>Transmedia Narrative</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kreativiti Dalam Penyampaian</li> <li>• Kejelasan</li> <li>• Daya Tarikan</li> <li>• Kesenambungan Penyelidikan</li> </ul>  | 20%                     |
| <b>Kreativiti</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penampilan</li> <li>• Aturan Atas Pentas</li> <li>• Prop dan Demo</li> <li>• Keaslian</li> </ul>  | 20%                     |
| <b>Slaid</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi Kandungan</li> <li>• Susunan</li> <li>• Format</li> </ul>  | 15%                     |
| <b>Disiplin dan Kerjasama</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketepatan Masa</li> <li>• Koordinasi Pembentangan</li> </ul>  | 10%                     |

Markah **Pembentangan (100%)** menyumbang **kepada 30%** markah keseluruhan PWBT.

## I. HADIAH & SIJIL

- i. **Hadiah & Sijil bagi Peringkat Zon** adalah seperti berikut :

|                     |   |
|---------------------|---|
| Johan               | : RM 3,000.00 Wang Tunai, Piala, Sijil Kemenangan   |
| Naib Johan          | : RM 2,000.00 Wang Tunai, Piala, Sijil Kemenangan   |
| Tempat Ke-3         | : RM 1,000.00 Wang Tunai, Piala, Sijil Kemenangan   |
| Saguhati            | : RM 300.00 Wang Tunai, Piala, Sijil Kemenangan<br>(untuk <b>tujuh (7) pemenang</b> )   |
| Saguhati Penyertaan | : RM 100.00 untuk kumpulan yang tidak tersenarai dalam sepuluh (10) kedudukan teratas serta memenuhi terma dan syarat penyertaan. |

### **Kategori Poster Peringkat Zon**

|         |  |
|---------|--|
| Terbaik | : RM 300.00 Wang Tunai, Sijil Kemenangan |
|---------|--|

|   |                               |
|---|-------------------------------|
| <b>Anugerah Pembentangan Terbaik</b>    | : RM 300.00, Sijil Kemenangan |
| <b>Anugerah Guru Pembimbing Terbaik</b> | : RM 300.00, Sijil Kemenangan |

- ii. **Hadiah & Sijil bagi Peringkat Negeri** adalah seperti berikut :

|             |   |
|-------------|---|
| Johan       | : RM 3,500.00 Wang Tunai, Piala, Sijil Kemenangan |
| Naib Johan  | : RM 2,500.00 Wang Tunai, Piala, Sijil Kemenangan |
| Tempat Ke-3 | : RM 1,500.00 Wang Tunai, Piala, Sijil Kemenangan |

### **Kategori Poster Peringkat Negeri**

|         |  |
|---------|--|
| Terbaik | : RM 500.00 Wang Tunai, Piala, SijilKemenangan |
|---------|--|

- iii. **Keputusan hakim adalah muktamad** dan sebarang bantahan tidak diterima.

## J. JADUAL PELAKSANAAN PWBT

Jadual pelaksanaan Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2020 adalah seperti berikut :

| No. | Perkara  | Tarikh                 | Tempat   |
|-----|--|------------------------|--|
| 1   | Surat Jemputan Penganjuran Bersama PWBT 2020                                   | Januari 2020           | -  |
| 2   | Promosi  | Februari– Mac 2020     | -  |
| 3   | Jemputan Penyertaan Ke Sekolah-Sekolah Menengah di Sarawak                     | Februari – Mac 2020    | Mengikut zon masing-masing.                                |
| 4   | Tarikh Tutup Penyertaan  | 8 Mac 2020             | Mengikut zon masing-masing.                                |
| 5   | Taklimat dan Bengkel Pertandingan Warisan Budaya Tempatan.                     | Mac – April 2020       | Mengikut jadual pelaksanaan bagi setiap daerah / bahagian. |
| 6   | Tarikh Akhir Penghantaran Laporan Penulisan/Dokumentari Video                  | 31 Julai 2020          | Mengikut zon masing-masing.                                |
| 7   | Tarikh Akhir Penghantaran Poster   | 17 Ogos 2020           | Mengikut zon masing-masing.                                |
| 8   | Penilaian Laporan PWBT 2020  | 1 - 31 Ogos 2020       | Tindakan : Hakim PWBT Peringkat Zon                        |
| 9   | Sesi Uji Cuba Pembentangan   | 1 September 2020       | Mengikut zon masing-masing                                 |
| 7   | Sesi Pembentangan & Majlis Penyampaian Hadiah & Sijil PWBT Peringkat Zon       | 2-4September 2020      | Mengikut zon masing-masing                                 |
| 8   | Sesi Penilaian PWBT Peringkat Negeri Sarawak                                   | 14 - 30 September 2020 | Tindakan : Hakim PWBT Peringkat Negeri                     |
| 9   | Sesi Uji Cuba Pembentangan   | 13 Oktober 2020        | Pustaka Negeri Sarawak, Sibul                              |
| 10  | Pembentangan & Majlis Penyampaian Hadiah & Sijil PWBT Peringkat Negeri Sarawak | 14 Oktober 2020        | Pustaka Negeri Sarawak, Sibul                              |

Nota : Perubahan tarikh akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

## K. TENTATIF TAKLIMAT DAN BENGKEL

Setiap peserta dan kumpulan yang menyertai pertandingan ini akan diberi sesi taklimat dan bengkel seperti jadual berikut:

| <b>HARI PERTAMA</b> |   |  |
|---------------------|---|--|
| 8:00 pagi           | : | Pendaftaran Peserta  |
| 8:30 pagi           | : | <b>Sesi I :</b><br><b>Taklimat Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2020</b><br><br>*Pengagihan buku log, kit modul & latihan, semakan borang-borang, maklumat kumpulan dan dll. |
| 10:00 pagi          | : | Minum Pagi   |
| 10:30 pagi          | : | <b>Sesi II :</b><br><b>Bengkel Kemahiran Literasi Maklumat   PANDei&amp;Latihan</b>  |
| 12:30 tengahhari    | : | Merarau  |
| 2:00 petang         | : | <b>Sesi III :</b><br><b>Bengkel Penulisan Penyelidikan &amp; Latihan</b>   |
| 5:00 petang         | : | Minum Petang   Bersurai  |

| <b>HARI KEDUA</b> |   |  |
|-------------------|---|--|
| 8:00 pagi         | : | Pendaftaran Peserta  |
| 8:30 pagi         | : | <b>Sesi IV :</b><br><b>Bengkel Rujukan &amp; Bibliografi   Latihan</b>           |
| 10:00 pagi        | : | MinumPagi  |
| 10:30 pagi        | : | <b>Sesi V :</b><br><b>Bengkel Reka Bentuk Grafik Poster</b>                      |
| 12:30 tengahhari  | : | Merarau  |
| 2:00 petang       | : | <b>Sesi VI :</b><br><b><i>Stand Out In Presentation &amp; Slide Workshop</i></b> |
| 5:00 petang       | : | Minum Petang   Bersurai  |

| <b>HARI KETIGA</b> |   |   |
|--------------------|---|---|
| 8:00 pagi          | : | Pendaftaran Peserta   |
| 8:30 pagi          | : | <b>Sesi VII :</b><br><b>Bengkel Pembuatan Dokumentari Video</b> |
| 10:00 pagi         | : | Minum Pagi  |
| 12:30 tengahhari   | : | Merarau   |
| 2:00 petang        | : | <b>Sesi VIII :</b><br><b>Bengkel Sejarah Lisan</b>              |
|                    | : | <b><i>Cloud Storage</i></b>                                     |
| 5:00 petang        | : | Minum Petang   Bersurai   |



# Pertandingan

## WARISAN BUDAYA TEMPATAN ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SARAWAK 2020



### BORANG PENYERTAAN

NAMA SEKOLAH :

ALAMAT SEKOLAH :

NO. TELEFON :  NO. FAKS:

ALAMAT EMEL :

NAMA KUMPULAN :

TAJUK PENYELIDIKAN :

**Nota :** Boleh dimaklumkan selepas sesi taklimat dan bengkel.

GURU PEMBIMBING :

NO. MYKAD :

NO. TELEFON :  ALAMAT EMEL :

NAMA AHLI KUMPULAN :


|   |                      |                                  |                                    |
|---|----------------------|----------------------------------|------------------------------------|
| 1 | <input type="text"/> | NO. MYKAD : <input type="text"/> | NO. TELEFON : <input type="text"/> |
| 2 | <input type="text"/> | NO. MYKAD : <input type="text"/> | NO. TELEFON : <input type="text"/> |
| 3 | <input type="text"/> | NO. MYKAD : <input type="text"/> | NO. TELEFON : <input type="text"/> |
| 4 | <input type="text"/> | NO. MYKAD : <input type="text"/> | NO. TELEFON : <input type="text"/> |



## PENGESAHAN PIHAK SEKOLAH

Adalah dengan ini saya memberi kebenaran kepada guru dan murid-murid sekolah saya (seperti pada borang penyertaan) untuk menyertai pertandingan ini dan seterusnya memberi perlepasan kepada mereka untuk menyertai program dan bengkel yang telah dijadualkan oleh pihak penganjur.

|                      |   |                      |
|----------------------|---|----------------------|
| TANDATANGAN PENGETUA | : | <input type="text"/> |
| NAMA                 | : | <input type="text"/> |
| JAWATAN              | : | <input type="text"/> |
| TARIKH               | : | <input type="text"/> |



---

NOTA : Sila kembalikan borang yang telah ditandatangani melalui **talian faksimili, email atau serahan tangan** pada atau sebelum **Ahad, 8 Mac 2020** kepada pegawai seranta kami di alamat seperti berikut :

(1) **URUSETIA PWBT ZON UTARA**

**Pustaka Negeri Sarawak, Miri**

Jalan Kipas, Miri City Fan, 98000 Miri, Sarawak.

No. Tel : 085 – 422 525 | No. Faks : 085 – 414 444 | Emel : pwbt.utara@gmail.com

u.p. : Pn. Lilian BaunPulo | lilianbp@sarawak.gov.my

: En. Mohd. Khadzrie Bin Mohd. Ramzie Faizal | khadzrrf@sarawak.gov.my

: Pn. Zuwahir Binti Ilias | zuwahiri@sarawak.gov.my

: Cik Norfaezan Binti Abdul Jalil | norfaezj@sarawak.gov.my

(2) **URUSETIA PWBT ZON TENGAH**

**Pustaka Negeri Sarawak, Sibul**

Jalan Tun Tunku Bujang Sungai Merah, 96000 Sibul, Sarawak.

No. Tel : 0138258254 (Cik Fiona) | No. Faks : -

Emel : pwbt.tengah@gmail.com

u.p. : Cik Fiona Ravia Anak Asing | fionarav@sarawak.gov.my

: Cik Nurfarathul Aqma Binti Julani | nurfarath@sarawak.gov.my

(3) **URUSETIA PWBT ZON SELATAN**

**Pustaka Negeri Sarawak**

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium Petrajaya

93050 Kuching, Sarawak.

No. Tel. : 082 – 442 000 | No. Faks : 082 – 449 944

Emel : pwbt.selatan@gmail.com

u.p. : En. Edison Ricket | edisonr@sarawak.gov.my

: Pn. Noranita Binti Kerim | noranitk@sarawak.gov.my